

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD  
( PERDANA MENTERI )

UPACARA: PERASMIAN PERAYAAN JUBLI PERAK KESATUAN GURU-GURU  
LEPASAN MAKTAB SEMENANJUNG MALAYSIA

TEMPAT: PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA, KUALA LUMPUR

TARIKH: 19 DEC 1987

MASA:

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Encik Anwar Ibrahim,  
Menteri Pendidikan;  
Ahli-ahli Jawatankuasa  
Kesatuan Kebangsaan Guru-Guru Lepas  
Maktab Semenanjung Malaysia;  
Dif-Dif Kehormat;  
Tuan-tuan dan puan-puan,

Bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah kurniaNya dapat kita bersama-sama di Majlis ini. Saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk membuka dengan rasminya Perayaan Jubli Perak dan Persidangan Perwakilan Tahunan Ke-25 Kesatuan Kebangsaan Guru-Guru Lepas Maktab Semenanjung Malaysia ini.

2. Sempena Perayaan dan Persidangan ini, saya berharap Kesatuan ini akan bertambah kukuh pada masa depan untuk memperjuangkan kepentingan ahli-ahlinya sesuai dengan amalan demokrasi negara kita. Kesatuan ini tentulah mengambilkira kepentingan generasi akan datang dan kepentingan kesejahteraan negara dalam menyusun program-program dan aktivitinya.

Tuan-tuan dan puan-puan,

3. Para guru telah memberi sumbangan yang sangat bermakna semenjak sebelum merdeka lagi untuk memperjuangkan keutuhan dan kedaulatan bangsa dan negara ini. Ramai daripada mereka yang memperjuangkan kemerdekaan, sama ada melalui penyertaan dalam bidang politik secara langsung atau melalui penulisan, adalah terdiri daripada para guru. Merekalah yang telah memberi semangat untuk anak bangsa memperolehi pengetahuan dan pelajaran tinggi untuk akhirnya memperjuangkan nasib bangsa dan negara.

4. Selepas kemerdekaan, para guru terus memberi sumbangan kepada kesejahteraan negara. Pada hari ini, para guru masih merupakan pemimpin yang berpengaruh terutamanya di kalangan penduduk luar bandar. Kita percaya para guru, di samping menjalankan tugas mendidik para pelajar, akan terus memberi khidmat kepimpinan mereka kepada masyarakat.

Tuan-tuan dan puan-puan,

5. Kita harus ingat bahawa di zaman dahulu pelajaran dan ilmu adalah terhad kepada beberapa orang yang bernasib baik sahaja. Bahawa di zaman ini pelajaran boleh diperolehi oleh sesiapa sahaja tidak bermakna bahawa pelajaran tidak bernilai lagi. Sebenarnya dengan tersebar luasnya pelajaran, maka masyarakat berkeupayaan menghadapi cabaran zaman dengan lebih baik lagi.

6. Oleh itu, para guru dalam zaman kemajuan ini perlu mengikuti arus perkembangan dalam masyarakat. Tegasnya, adalah menjadi tanggungjawab para guru juga untuk memainkan peranan yang cergas dan gigih dalam membangunkan masyarakat dan negara. Peranan guru dalam masyarakat yang membangun dan mengalami perubahan yang pesat adalah lebih luas, berat dan mencabar lagi.

7. Pendidikan juga merupakan alat yang utama terhadap pencapaian perpaduan kebangsaan dan dalam menanamkan semangat cintakan tanahair. Sistem pelajaran kita hari ini merupakan tapak semaian yang kuat dalam membentuk sikap yang sihat, serta sikap positif di kalangan masyarakat pelajar. Persekolahan bersama pelajar-pelajar berbagai kaum yang diberi penerangan tentang adat-resam dan pantang-larang sesuatu kaum boleh menolong membangunkan satu masyarakat yang lebih bersatu-padu di Malaysia kita ini.

8. Sudah tentu para guru perlu memainkan peranan penting dalam menyediakan murid-murid di sekolah-sekolah untuk menghadapi realiti kehidupan dalam masyarakat berbilang kaum di Malaysia. Terdapat ramai keluaran dari sekolah-sekolah yang terhad kepada hanya satu kaum sahaja yang tidak dapat menyesuaikan diri dengan masyarakat majmuk di sekeliling mereka. Mereka selalunya berasa terpisah dan teraniaya dalam usaha mereka mencari rezeki semasa dewasa. Dengan itu juga perpaduan kaum sukar dicapai.

9. Sebagai pendidik dalam masyarakat zaman moden, para guru perlu melengkapkan diri dengan berbagai ilmu pengetahuan dan kemahiran dengan secukupnya supaya dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan sempurna dan berkesan. Sama ada disukai atau tidak, guru menjadi contoh kepada murid. Para pelajar bukan sahaja memberi tumpuan kepada pelajaran secara formal yang disampaikan dalam bilik darjah, tetapi mereka juga memerhati gerak-geri dan tingkah-laku guru-guru di dalam dan di luar bilik darjah. Nilai-nilai hidup dan sifat-sifat yang menjadi sebahagian daripada peribadi mereka adalah hasil daripada contoh yang mereka sanjungi iaitu guru mereka. Jelaslah bahawa personaliti guru mempengaruhi para pelajar yang bakal menjadi anggota masyarakat. Baik para pendidik, maka baiklah masyarakat dan negara.

Tuan-tuan dan puan-puan,

10. Janganlah pula ada yang berkata jika benar seperti kata saya, maka sepatutnyalah Kerajaan memberi nilai yang lebih tinggi kepada guru. Jika guru mempunyai pendirian seperti ini, maka generasi yang akan datang juga akan terdiri daripada orang-orang yang tidak mengutamakan pengorbanan dan tanggungjawab. Kita semua maklum bahawa masyarakat yang bahagia dan berjaya akan wujud hanya jika anggotanya sanggup berkorban dan bertanggungjawab.

Tuan-tuan dan puan-puan,

11. Negara kita masih lagi menghadapi wabak penagihan dadah. Wabak ini masih menggugat kesejahteraan hidup rakyat dan merupakan musuh negara yang utama, dan jika tidak dibendung ia akan menjejaskan pembangunan negara. Justeru itu, Kerajaan telah mengambil beberapa tindakan keras dan tegas terhadap pengedar-pengedar dadah. Dahulu kita telah dikritik oleh masyarakat antarabangsa kerana tindakan tegas ini. Kita bersyukur bahawa dengan penerangan yang semakin luas, kita telah dapat menyedarkan masyarakat antarabangsa akan betapa perlunya tindakan sedemikian. Mereka mula menyedari yang tindakan keras itu adalah untuk menyelamatkan masyarakat dan negara kita daripada ditenggelami oleh bahaya penagihan dadah ini.

12. Kita memerlukan semua pihak, sama ada di sektor awam atau swasta, supaya meningkatkan sumbangan dan usaha masing-masing untuk membanteras masalah ini. Dengan ini, saya menyeru para pendidik dari semua lapisan agar bergiat cergas memastikan para pelajar tidak terjerumus ke lembah bahaya ini. Salah satu caranya ialah untuk para guru bergiat cergas dalam Program Pendidikan dan Khidmat Nasihat. Saya yakin bahawa dengan penglibatan para guru dalam kegiatan Program ini, perkembangannya akan berjalan dengan licin dan teratur lagi.

13. Di samping itu, para pelajar kita mestilah ditunjuk cara untuk mengelakkan pembaziran masa dan tenaga dengan menyalurkan mereka kepada kerja-kerja yang berfaedah serta menggunakan masa dengan bijak. Para pelajar perlu dilibatkan dengan kegiatan-kegiatan yang mendatangkan manfaat kepada diri mereka sendiri. Saya percaya bahawa perancangan yang teratur merupakan kaedah yang paling berkesan dalam menggunakan masa secara produktif.

Tuan-tuan dan puan-puan,

14. Sepertimana dalam perjuangan untuk mencapai kemerdekaan yang disertai oleh guru-guru, di zaman ini juga kita percaya para guru akan terus berjuang untuk mengisikan kemerdekaan. Untuk menjayakan pembangunan negara, kita bukan sahaja memerlukan ilmu sains dan teknologi, tetapi juga kecekapan pengurusan. Kekayaan tidak akan dicapai dan dikekalkan jika kecekapan mengurus tidak wujud. Dalam hal ini berjimat-cermat adalah penting. Didikan yang perlu diberikan oleh para guru kepada murid-murid bukanlah sahaja mengenai duit yang mereka miliki tetapi juga mengenai harta

sendiri dan harta Kerajaan. Bangsa yang tahu berjimat-cermat akan menikmati segala kebahagiaan dan pemberian Tuhan dengan lebih sempurna. Sudah tentu bangsa itu juga akan lebih maju.

15. Di zaman moden ini ilmu tersebar dan diterokai dengan luas di seluruh dunia. Untuk mendapat ilmu ini pengetahuan bahasa-bahasa dunia adalah penting. Soal yang kita hadapi ialah apakah kepentingan bangsa kita lebih terjamin dengan kita mengutamakan bahasa kita sehingga penguasaan ilmu terjejas, atau kita mengutamakan ilmu walaupun ini bermakna kita perlu menguasai bahasa-bahasa lain juga? Semangat kebangsaan yang menjadikan bangsa sendiri mundur dan ketinggalan zaman bukanlah sebenarnya semangat kebangsaan. Di zaman sains dan teknologi ini, sesiapa yang menguasai hanya satu bahasa sahaja tidak akan mencapai kejayaan. Hakikat ini perlu kita renungkan bersama.

Tuan-tuan dan puan-puan,

16. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Kesatuan Kebangsaan Guru-Guru Lepas Maktab Semenanjung Malaysia kerana menjemput saya merasmikan upacara ini. Saya mengucapkan tahniah kepada Kesatuan ini sempena Perayaan Jubli Peraknya serta Persidangan Perwakilan Tahunan Kali Ke-25. Adalah diharapkan Kesatuan ini akan menyusun program-program, yang bukan sahaja dapat membantu para ahlinya, bahkan juga yang dapat membantu masyarakat umum.

17. Dengan harapan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Perayaan Jubli Perak dan Persidangan Perwakilan Tahunan Ke-25 Kesatuan Kebangsaan Guru-Guru Lepas Maktab Semenanjung Malaysia ini. Wabillahi taufik walhidayah, wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.